

Peranan Wanita Dalam Membangunkan Pendidikan Perempuan di Sarawak, 1880-1963

The Role of Women in Developing Female Education in Sarawak, 1880-1963

ANITA JUNAIDI* & WAN NOORLIZAWATI WAN MAT ALI
Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia
Corresponding author: anitajunaidi_94@yahoo.com

Received: 02 January 2024 Accepted: 18 November 2024

Abstrak

Kemunculan pendidikan formal di Sarawak bermula dengan kedatangan orang barat khususnya pihak gereja Kristian. Pihak-pihak tersebut telah mendirikan banyak sekolah di seluruh Sarawak. Justeru itu, di dalam setiap penulisan berkaitan sejarah pendidikan di Sarawak, nama-nama orang barat sering dijulung sebagai hero yang membangunkan pendidikan masyarakat Sarawak. Manakala, nama orang tempatan khususnya wanita jarang diketengahkan. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk meneliti kedudukan dan peranan wanita di Sarawak dalam membangunkan pendidikan negeri khususnya pendidikan kaum perempuan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif menerusi analisis dokumen ke atas sumber primer dan sekunder. Hasil kajian mendapati meskipun pendidikan di Sarawak semakin berkembang namun kedudukan wanita dalam pendidikan masih rendah. Ini memandangkan, kaum wanita masih ketinggalan dalam pendidikan berbanding kaum lelaki. Perkara tersebut dapat dilihat melalui perbandingan jumlah antara pelajar lelaki dan perempuan di Sarawak. Malahan, sehingga menjelang kemerdekaan negeri sekalipun kaum lelaki masih lagi mendominasi sektor pendidikan. Dalam pada itu, kajian ini juga membuktikan bahawa wanita tempatan juga turut menyumbang kepada perkembangan pendidikan negeri. Perkara ini dapat dilihat menerusi peranan dan usaha yang dimainkan oleh kaum wanita yang berpelajaran seperti Dayang Sa'adah (Sahada) binti Datu Patinggi Ghafur, Lily Eberwein Abdullah, Barbara Mendu Bay, Tra Zehnder, Ajibah Abol, Sharifah Rehanah Syed Razali dan Chi Mei Shi. Menyedari kepentingan pendidikan menyebabkan mereka berusaha untuk mengangkat martabat masyarakat menerusi pendidikan. Malahan, mereka sanggup menggunakan duit simpanan dan harta benda peribadi. Tindakan tersebut dilakukan dengan seikhlas hati demi memastikan masyarakat mendapat pendidikan yang sewajarnya.

Kata kunci: Wanita; Pendidikan; Peranan; Kedudukan; Sarawak

Abstract

The emergence of formal education in Sarawak began with the arrival of westerners, especially the Christian churches. These parties have set up many schools throughout Sarawak. Therefore, in every writing related to the history of education in Sarawak, the names of westerners are often held up as heroes who developed the education of the Sarawak community. Whereas, the names of local people, especially women, are rarely highlighted. Therefore, this study is conducted to examine the status and role of women in Sarawak in developing the state's education, particularly the education of girls. This study was carried out using qualitative methods through document analysis on primary and

secondary sources. The results of the study found that although education in Sarawak was developing, the position of women in education was still low. This is considering that women still lag behind in education compared to men. This can be seen by comparing the number of male and female students in Sarawak. In fact, even until the state's independence, men still dominated the education sector. In the meantime, this study also proves that local women also contributed to the development of education in the state. This can be seen through the role and efforts played by educated women such as Dayang Sa'adah (Sahada) binti Datu Patinggi Ghafur, Lily Eberwein Abdullah, Barbara Mendu Bay, Tra Zehnder, Ajibah Abol, Sharifah Rehanah Syed Razali and Chi Mei Shi. Realizing the importance of education causes them to strive to raise the dignity of society through education. In fact, the women were willing to use their own money and property. The action is done with all sincerity to ensure that the community gets proper education.

Keywords: Women; Education; Role; Position; Sarawak

Pengenalan

Menelusuri pensejarahan Sarawak, nama-nama wanita barat seperti Margaret Brooke, Harriette McDougall dan Mary Hoover sering diangkat sebagai individu yang berjasa besar dalam perkembangan pendidikan di Sarawak. Ini kerana, ketiga-tiga wanita tersebut adalah diantara pihak yang memelopori penubuhan sekolah di Sarawak. Sebagai contohnya, Ooi Keat Gin¹ dan Sabihah Osman² memperihalkan bahawa penubuhan sekolah Melayu kerajaan yang pertama bermula dengan pergaulan tidak rasmi antara Margaret Brooke dengan wanita-wanita Melayu di Kuching.³ Kesungguhan beliau mempelajari bahasa Melayu telah menarik minat wanita Melayu untuk turut belajar membaca dan menulis sehingga akhirnya kelas belajar mula dibuka di rumah Dayang Sahada dan Datu Bandar Abang Kasim.⁴ Kelas tersebut kemudiannya menjadi titik tolak kepada penubuhan Sekolah Abang Kasim pada tahun 1883. Seterusnya, dalam kertas kerja beliau yang berjudul "*Women Should be helpmates and not drags upon their husbands*": *Female education in Brooke Sarawak, 1841-1941*", Ooi mengisahkan tentang peranan Harriette McDougall dalam pengasasan Sekolah St. Mary, Kuching serta sumbangan Mary Hoover dalam menubuhkan *Yuk Ing Girl School* di Sibul.⁵ Pendapat Ooi ini diakui oleh Chew⁶ yang mengatakan bahawa Mary Hoover telah mendirikan sekolah perempuan untuk kaum wanita komuniti Cina Foochow di Sibul iaitu *Yuk Ing/Yit Ing Girls' Primary School*.⁷

Seterusnya, Taylor dan Heyward⁸ serta Ong-Liew⁹ pula menceritakan bahawa tindakan Harriette McDougall membuka kelas berasingan untuk pelajar perempuan di *Home School, College Hill, Kuching* telah membawa kepada penubuhan Sekolah St. Mary.¹⁰ Ini memandangkan, pada tahun 1887 kelas tersebut lalu berdiri menjadi Sekolah St. Mary. Atas peranan yang dimainkan tersebut menyebabkan nama ketiga-tiga wanita barat di atas sering disebut-sebut dalam setiap penulisan berkaitan pendidikan di Sarawak. Namun yang menjadi persoalan, apakah tiada wanita tempatan yang menyumbang kepada perkembangan pendidikan di Sarawak? Jika dilihat di Semenanjung Malaysia, terdapat Zainon Munshi Sulaiman atau Ibu Zain yang bekerja keras memartabatkan pendidikan masyarakat khususnya wanita. Lalu, bagaimana pula dengan wanita Sarawak? Justeru itu, kajian ini dilakukan bagi merungkai persoalan tersebut.

Pendidikan di Sarawak

Sejarah pendidikan Sarawak sudah bermula jauh sebelum kedatangan kuasa barat. Namun demikian, pendidikan ketika itu bersifat tradisional dan tidak formal. Bagi masyarakat Melayu, mereka biasanya

mempelajari pendidikan agama Islam di rumah Tok Guru atau di masjid dan surau.¹¹ Manakala, pendidikan masyarakat Dayak lebih kepada kemahiran bekerja dan kegiatan mencari rezeki.¹² Misalnya, anak lelaki diajar tentang kaedah penanaman padi huma atau cara memburu binatang manakala, anak perempuan pula diajar dengan kemahiran rumah tangga seperti menenun, anyaman, memasak dan sebagainya.¹³

Pendidikan formal mula berkembang di Sarawak setelah kedatangan badan mubaligh Kristian. Sebelum kedatangan pihak gereja, Sarawak tidak mempunyai sekolah. Ini memandangkan, James Brooke yang baru memerintah Sarawak menumpukan perhatian kepada misi memerangi lanun. Tambahan pula, kerajaan Brooke memang tidak berminat untuk memajukan pendidikan masyarakat Sarawak kerana ingin mengekalkan *status quo* rakyatnya.¹⁴ Berbeza pula dengan pihak gereja Kristian. Mereka ingin menggunakan pendidikan sebagai strategi untuk menyebarkan ajaran Kristian.¹⁵ Rentetan itu, apabila sampai di Sarawak, pihak mubaligh Kristian lazimnya akan terus menubuhkan sekolah. Sebagai contohnya, pihak gereja Anglikan di bawah pimpinan Rev. Francis Thomas McDougall yang tiba di Sarawak pada tahun 1848 telah menubuhkan *Home School* di College Hill, Kuching.¹⁶ Sekolah tersebut kemudiannya berdiri sebagai St. Thomas. Pada tahun 1850, kelas untuk pelajar perempuan diasingkan lalu membentuk Sekolah St. Mary.¹⁷ Begitu juga dengan pihak gereja Katolik. Lebih kurang setahun setelah tiba di Sarawak iaitu pada tahun 1882, mereka mula menubuhkan Sekolah St. Joseph diikuti Sekolah St. Teresa pada tahun 1904.¹⁸ Badan mubaligh Kristian juga turut menubuhkan banyak sekolah di luar kawasan Kuching.

Penubuhan sekolah-sekolah mubaligh ini telah menjadi permulaan kepada perkembangan institusi pendidikan formal di Sarawak. Ini memandangkan, selepas itu kerajaan Brooke juga turut menubuhkan sekolah kerajaan yang pertama iaitu Sekolah Abang Kasim (kemudiannya dikenali sebagai Sekolah Kampung Jawa) pada tahun 1883.¹⁹ Seterusnya, pada tahun 1894, sebuah lagi sekolah Melayu juga turut dibuka iaitu Sekolah Kampung Gersik diikuti dengan penubuhan *Government Lay School* (GLS) pada tahun 1903.²⁰ Oleh kerana kurang sambutan daripada masyarakat Cina, GLS lalu digabungkan dengan Sekolah Kampung Jawa untuk membentuk Madrasah Melayu.²¹ Sekolah ini menyediakan pendidikan yang lebih tinggi untuk masyarakat Melayu. Selain sekolah kerajaan dan mubaligh, terdapat juga badan persendirian yang menubuhkan sekolah untuk komuniti masing-masing. Sebagai contohnya, komuniti Hokkien di Kuching telah menubuhkan *Hokkien Free School* pada tahun 1912.²² Manakala, masyarakat Melayu khususnya golongan agamawan membuka sekolah agama iaitu al-Madrasah al-Murshidiyah. Kemudian, nama sekolah ditukar kepada al-Madrasah Islamiyah. Sekolah ini ditubuhkan pada tahun 1917 oleh Abang Haji Morshidi bin al-Marhum Abang Haji Narudin atau lebih dikenali sebagai Datu Hakim Imam Haji Morshidi.²³ Penubuhan sekolah oleh badan persendirian telah merencanakan lagi perkembangan pendidikan di Sarawak. Buktinya, pada penghujung tahun 1946 terdapat 279 buah sekolah di seluruh Sarawak iaitu 73 buah sekolah kerajaan, 30 buah sekolah mubaligh, tiga buah sekolah swasta dan 173 buah sekolah Cina.²⁴ Namun demikian, pendudukan Jepun pada tahun 1941 telah membantutkan perkembangan pendidikan di Sarawak. Ini kerana, pada zaman pendudukan Jepun, banyak sekolah yang terpaksa ditutup. Meskipun Jepun cuba memperkenalkan sistem pendidikan mereka, usaha tersebut kurang berjaya.²⁵

Pada zaman British, pelbagai rancangan pendidikan telah diperkenalkan bagi memajukan sektor pendidikan. Salah satunya ialah kaedah bantu diri. Menerusi kaedah ini, tanggungjawab mendirikan dan mengelola sekolah rendah diletakkan di bawah pengawasan pihak Kerajaan Tempatan (KT).²⁶ Pihak KT dan peniaga Cina yang kaya banyak mendirikan sekolah di kawasan masing-masing.²⁷ Sebagai contohnya, jumlah keseluruhan sekolah di Sarawak pada tahun 1948 adalah sebanyak 364 buah.²⁸ Daripada jumlah tersebut, sebanyak 204 buah sekolah merupakan sekolah Cina manakala pihak KT sendiri berjaya menubuhkan 18 buah sekolah. Jumlah sekolah dibawah kelolaan KT terus meningkat terutamanya selepas sekolah kerajaan diserap dibawah KT. Buktinya, pada tahun 1960,

jumlah keseluruhan sekolah KT adalah sebanyak 433 buah manakala sekolah Cina pula sebanyak 261 buah.²⁹ Selain kaedah bantu diri, British turut memperkenalkan pelbagai rancangan yang lain seperti Skim Kumpulan Guru Besar, Program Penyiaran Sekolah, Skim Biasiswa Tempatan, Rancangan Ibu Sekolah dan Skim Bantuan Asrama.³⁰ Rancangan-rancangan ini sedikit sebanyak telah memajukan sistem pendidikan di Sarawak. Namun, usaha tersebut masih gagal merapatkan jurang pendidikan antara kaum. Malah, ketidakseimbangan jantina juga turut berlaku, di mana pendidikan kaum wanita masih ketinggalan jauh di belakang pendidikan kaum lelaki.³¹

Pendidikan Kanak-kanak Perempuan di Sarawak

Secara umumnya, kaum wanita di Sarawak masih ketinggalan jauh di belakang kaum lelaki dalam bidang pendidikan. Hal ini dipengaruhi oleh sikap masyarakat ketika itu yang mengabaikan pendidikan anak perempuan. Buktinya dapat dilihat menerusi kenyataan Datu Isa yang berikut:

*Writing amongst women is a bad habit, a pernicious custom. Malay girls would be writing love letters to clandestine lovers, and undesirable men might come into contact with the daughters of our house. I do not agree, Rajah Rane, with the idea, and I hope it will never come to pass.*³²

Berdasarkan kenyataan Datu Isa di atas, dapatlah dilihat bahawa masyarakat pada ketika itu mempunyai persepsi negatif terhadap wanita yang pandai. Oleh sebab itu, mereka melarang anak perempuan diberi pendidikan melainkan ilmu berkaitan rumah tangga yang diajar secara tidak formal. Perkara ini diakui oleh Hammond³³ dalam laporannya yang bertajuk “*Report of education in Sarawak*”. Menurut Hammond, sikap masyarakat Sarawak yang mengabaikan pendidikan anak perempuan menyebabkan bilangan pelajar perempuan rendah, iaitu hanya 5% daripada jumlah keseluruhan murid.³⁴ Atas sebab itu, data mengenai bilangan pelajar perempuan jarang dinyatakan dalam rekod pendidikan. Ini dapat dibuktikan menerusi laporan Hammond, yang hanya menyatakan anggaran peratus bilangan pelajar perempuan dan bukannya angka yang tepat. Perkara ini diakui oleh Ong Puay Liu et al., yang menyatakan bahawa kerana jumlah pelajar perempuan yang rendah, kehadiran mereka jarang direkodkan.³⁵ Bukti lain yang menunjukkan bilangan pelajar perempuan rendah dapat dilihat menerusi bilangan pelajar perempuan di Madrasah Melayu sepanjang penubuhannya dari tahun 1931 hingga 1940 iaitu hanya terdapat tujuh orang sahaja.³⁶

Seterusnya, bukti lain yang memaparkan bilangan pelajar lelaki lebih ramai juga dapat dilihat menerusi perbandingan jumlah pelajar lelaki dan perempuan yang lulus dalam peperiksaan Cambridge. Lihat jadual 1 yang berikut:

Jadual 1: Kelulusan pelajar dalam peperiksaan Cambridge mengikut jantina sehingga tahun 1936

Tahun	Junior Cambridge Examination (JCE)		Senior Cambridge Examination (SCE)	
	Lelaki (L)	Perempuan (P)	Lelaki (L)	Perempuan (P)
Lulus sehingga 1934	66	9	5	0
Lulus tahun 1935	15	2	9	0
Lulus tahun 1936	18	8	1	0
Jumlah	99	19	15	0

Sumber: Ubahsuai dari *Sarawak Gazette*, 1 April 1936, 88 & 1 April 1937, 87.

Jadual 1 jelas memperlihatkan bahawa jumlah pelajar lelaki yang lulus dalam peperiksaan Cambridge adalah lebih ramai, iaitu 114 orang, berbanding hanya 19 orang pelajar perempuan. Hal ini disebabkan bilangan pelajar perempuan yang menduduki peperiksaan Cambridge hanya seramai 38 orang, manakala pelajar lelaki seramai 195 orang.³⁷ Secara tidak langsung, ini membuktikan bahawa bilangan pelajar perempuan adalah lebih rendah berbanding bilangan pelajar lelaki.

Pada zaman British, jumlah pelajar lelaki masih lagi mengungguli sektor pendidikan. Lihat jadual 2 yang berikut:

Jadual 2: Perbandingan bilangan pelajar perempuan dan lelaki di Sarawak, 1950-1962

Tahun	Pelajar perempuan	Pelajar lelaki	Jumlah
1950	12 158	27 265	39 423
1951	13 249	29 035	42 284
1952	14 712	30 739	45 451
1953	14 772	34 300	49 072
1954	17 596	35 192	52 788
1955	19 979	39 549	59 528
1956	24 315	44 711	69 026
1957	28 507	50 900	79 407
1958	33 267	57 665	90 932
1959	36 173	60 970	97 143
1960	39 629	64 370	103 999
1961	42 344	66 477	108 821
1962	45 001	69 469	114 470

Sumber: Ubahsuai dari *Sarawak Gazette*, 30 September 1963, 223 & 225.

Jadual tersebut memperlihatkan bahawa daripada tahun 1950 hingga tahun 1962, jumlah pelajar lelaki adalah lebih ramai berbanding pelajar perempuan. Misalnya, pada tahun 1950 sahaja bilangan pelajar lelaki adalah 27 265 orang manakala pelajar perempuan hanya 12 158 orang.³⁸ Di peringkat sekolah rendah, bilangan pelajar perempuan adalah sebanyak 313 299 berbanding 547 563 orang pelajar lelaki.³⁹ Manakala, di peringkat sekolah menengah bilangan pelajar perempuan adalah sebanyak 29 403 orang berbanding 62 244 orang pelajar lelaki.⁴⁰ Kekurangan pelajar perempuan juga dapat diukur menerusi purata kemasukan pelajar ke sekolah. Pada tahun 1953 purata bilangan pelajar perempuan dan lelaki di sekolah adalah 1:3.6 orang.⁴¹ Ini bermaksud, seorang pelajar perempuan di sekolah bersamaan dengan empat orang pelajar lelaki. Secara tidak langsung, ini membuktikan bahawa pelajar lelaki lebih ramai berbanding pelajar perempuan. Begitu juga pada tahun 1963. Purata pelajar perempuan dan lelaki adalah 1:1.9.⁴² Kadar tersebut memperlihatkan bahawa jumlah pelajar lelaki masih lagi mendahului bilangan pelajar perempuan.

Sungguhpun begitu, jadual tersebut turut memaparkan peningkatan yang signifikan dalam bilangan pelajar perempuan, khususnya menjelang kemerdekaan negeri. Ini memandangkan, dari tahun 1950 hingga 1962, bilangan pelajar perempuan meningkat secara konsisten. Hal ini menunjukkan berlakunya perubahan sikap masyarakat terhadap pendidikan anak perempuan. Ramai ibu bapa mula menyedari kepentingan memberikan pendidikan kepada anak perempuan dan bukannya hanya kepada anak lelaki, khususnya dalam kalangan masyarakat yang tinggal di bandar.⁴³

Selanjutnya, pada zaman pemerintahan British juga memperlihatkan bahawa pelajar lelaki masih lagi menguasai peperiksaan Cambridge. Ini kerana, pada tahun 1961 hanya lebih kurang 65 orang sahaja pelajar perempuan yang lulus daripada jumlah keseluruhan peserta sebanyak 329 orang.⁴⁴ Jumlah tersebut secara tidak langsung mempengaruhi bilangan pelajar perempuan di institusi pengajian tinggi. Sebagai contoh, di Maktab Perguruan Sarawak, terdapat 291 orang pelajar lelaki berbanding hanya 92 orang pelajar perempuan.⁴⁵ Begitu juga di universiti luar negeri. Bilangan

pelajar lelaki adalah lebih ramai daripada pelajar perempuan. Misalnya, pada tahun 1961 seramai 57 orang pelajar lelaki Sarawak menuntut di luar negeri berbanding hanya 17 orang pelajar perempuan.⁴⁶ Malahan, *Sarawak Junior Secondary School Certificate* juga turut di dominasi pelajar lelaki.⁴⁷ Secara tidak langsung, jumlah tersebut membuktikan bahawa kedudukan wanita dalam pendidikan di Sarawak masih lagi tercorot di belakang pendidikan kaum lelaki.

Kritikan Terhadap Pengabaian Pendidikan Kanak-kanak Perempuan.

Taraf pendidikan wanita yang rendah mendapat perhatian segelintir pihak. Mereka beranggapan kemunduran wanita dalam bidang pendidikan adalah disebabkan sikap masyarakat yang mengabaikan pendidikan anak perempuan. Sebagai contohnya, seorang penulis dengan nama samaran Jawi Peranakan dalam *Sarawak Gazette* telah mengkritik sikap ibu bapa di Sarawak tersebut. Lihat kenyataan penulis tersebut dibawah:

*I wonder why some people would say that giving education to the Malay girls is a disturbance to Mohamedan religion. The truth is that all muslims should furnish themselves with education, especially the present generation. Hence the muslim leaders and the well to do Malays should also take interest in the matter of education for the daughter of the soil.*⁴⁸

Penulis merasa hairan dengan mentaliti sebahagian masyarakat Islam yang menganggap menyediakan pendidikan kepada wanita adalah melanggar syariat agama Islam. Menurut penulis, tanggapan tersebut adalah salah kerana di dalam Islam tiada larangan kepada kaum wanita untuk belajar seperti lelaki malah setiap umat manusia digalakkan untuk menimba ilmu sebanyak mungkin supaya dapat memajukan diri, bangsa dan agama. Justeru itu, penulis menyeru pihak-pihak berkepentingan seperti golongan agamawan dan bangsawan Melayu agar memainkan peranan mereka untuk mempromosikan pendidikan wanita kepada masyarakat setempat. Tegas penulis lagi “*should the Malay girls be given no chance of learning, I think they are sure to follow the style of their ignorants mothers.*”⁴⁹ Ini memandangkan, hanya pendidikan yang dapat mengubah mentaliti masyarakat untuk menjadi lebih terbuka, berdaya saing dan sedar akan nasib anak bangsa. Di tambah pula pendidikan bermula dari rumah maka pentingnya seorang ibu berpelajaran agar mereka dapat mendidik anak-anak menjadi insan berguna.

Selain Jawi Peranakan, sebuah akhbar Melayu iaitu *Fajar Sarawak* turut menyeru masyarakat agar memberi pendidikan kepada anak perempuan mereka. Tulis *Fajar Sarawak*:

Ingatkan Putera ingatkan puteri
Didikkan dia sebilang hari
Warna yang pucat supaya berseri
Supaya mahsyur ke sama ke mari.⁵⁰

Menurut *Fajar Sarawak* lagi, wanita adalah kunci kemajuan sesebuah masyarakat. Ini kerana, generasi cemerlang lahir daripada wanita yang berpelajaran.⁵¹ Justeru itu akhbar ini menyeru masyarakat agar tidak mengabaikan pendidikan anak perempuan mereka.

Pengarah Pelajaran Sarawak iaitu M.G. Dickson turut melontarkan kritiknya terhadap sikap ibu bapa di Sarawak. Lihat kenyataan beliau yang berikut:

At present the number of girls in school is only about half the number of boys, and in many school it is much less than half. This is very unsatisfactory. Girls have as much right as boys to the good things of life, of which education is one. Parents feed their daughters with the same care that they feed their sons; why should they deny their daughters education, which is a kind of mental nourishment? We need educated women in Sarawak, not just because we need nurses and midwives and women teachers, but because we want the wives and mothers of Sarawak to be educated women, who will understand how to make healthy, happy homes and how to bring up children rightly.⁵²

Berdasarkan kenyataan M.G. Dickson di atas, beliau mempersoalkan sikap pilih kasih ibu bapa yang hanya mementingkan pendidikan anak lelaki tetapi mengetepikan pendidikan anak perempuan. Menurut beliau, pendidikan anak perempuan adalah sama pentingnya dengan pendidikan anak lelaki kerana Sarawak bukan hanya memerlukan jururawat dan bidan semata-mata, tetapi juga kerana wanita yang berpendidikan akan melahirkan generasi yang cemerlang dan berjaya. Oleh itu, adalah penting untuk memberikan pendidikan kepada semua anak tanpa mengira jantina mereka.

Namun demikian, kritikan-kritikan yang dikemukakan tidak berjaya mengubah mentaliti masyarakat Sarawak pada waktu tersebut. Hal ini disebabkan oleh masih wujudnya ibu bapa yang enggan menghantar anak perempuan mereka ke sekolah, berikutan persepsi bahawa anak perempuan tidak memberikan nilai ekonomi yang setara dengan anak lelaki.⁵³ Bagi ibu bapa pada waktu itu, anak perempuan dianggap lebih sesuai membantu menguruskan kerja-kerja di rumah daripada dihantar ke sekolah.⁵⁴ Hal ini kerana mereka berpendapat bahawa tugas-tugas rumah dapat melatih anak perempuan menjadi suri rumah yang baik pada masa hadapan. Tambahan pula, anak perempuan setelah berkahwin, lazimnya akan berpindah mengikut suami, berbeza dengan anak lelaki yang biasanya menjadi tulang belakang keluarga. Oleh itu, menghantar anak perempuan ke sekolah dilihat sebagai sesuatu yang tidak menguntungkan bagi keluarga. Tambahan pula, wujud kerisauan dalam kalangan ibu bapa Melayu terhadap pengaruh ajaran Kristian di sekolah-sekolah mubaligh.⁵⁵ Hal ini disebabkan oleh ketiadaan sekolah khas untuk perempuan Melayu pada waktu itu, dengan Sekolah Permaisuri hanya ditubuhkan pada tahun 1930.⁵⁶ Sebelum penubuhan Sekolah Permaisuri, hanya sebilangan kecil ibu bapa Melayu yang menghantar anak perempuan mereka ke sekolah-sekolah mubaligh. Namun demikian, di sekolah-sekolah tersebut, para pelajar turut didedahkan kepada mata pelajaran pengetahuan Bible atau kitab ajaran Kristian. Perkara ini diakui oleh Abang Yusuf Puteh, seorang bekas pelajar sekolah mubaligh.⁵⁷ Keadaan ini, sedikit sebanyak, membantutkan hasrat ibu bapa Melayu untuk menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah. Pada masa yang sama, ibu bapa Melayu juga keberatan untuk menghantar anak perempuan mereka ke sekolah yang dihadiri oleh pelajar lelaki, kerana kebimbangan terhadap pergaulan bebas antara pelajar lelaki dan perempuan.

Sementara itu, masyarakat Dayak, yang kebanyakannya tinggal di kawasan pedalaman, menghadapi kesukaran untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Ini kerana, masyarakat Dayak terkenal dengan kegiatan pertanian pindah yang memerlukan mereka meneroka kawasan baru untuk penanaman padi huma.⁵⁸ Kaedah ini melibatkan proses yang panjang serta memerlukan tenaga kerja yang ramai. Oleh itu, mereka cenderung melibatkan anak-anak, termasuk anak perempuan, dalam menyelesaikan pekerjaan tersebut. Sebagai contoh, semasa musim menanam dan menuai padi, masyarakat Dayak sering bermalam di huma atau sawah padi bersama anak-anak mereka.⁵⁹ Selain itu, tenaga anak perempuan juga diperlukan untuk melakukan pekerjaan rumah dan menjaga adik-adik yang masih kecil ketika ibu bapa bekerja di huma atau kebun.⁶⁰ Akibatnya, ramai kanak-kanak perempuan tidak berpeluang mendapatkan pendidikan formal.

Peranan Wanita Sarawak Dalam Memajukan Pendidikan Masyarakat

Meskipun kedudukan wanita dalam pendidikan masih rendah namun terdapat juga golongan wanita yang berpendidikan. Golongan ini menyedari kemunduran masyarakat Sarawak dalam bidang pendidikan. Berikutan itu, mereka berusaha untuk memajukan pendidikan di Sarawak. Hal ini dapat dilihat menerusi peranan yang dimainkan oleh mereka. Malahan, sumbangan mereka tidak kalah pentingnya dengan apa yang dilakukan oleh orang barat dan kaum lelaki. Buktinya, mereka sanggup mengorban masa dan tenaga serta harta benda peribadi demi memastikan masyarakat mendapat pendidikan yang sewajarnya. Sebagai contoh, golongan wanita berpendidikan pada masa itu mengambil inisiatif untuk membuka kelas atau sekolah di kediaman mereka sendiri. Langkah ini diambil kerana Sarawak ketika itu masih mengalami kekurangan institusi pendidikan, khususnya sekolah untuk kaum perempuan. Oleh itu, golongan wanita ini berusaha untuk menubuhkan sekolah sendiri bagi memastikan kaum perempuan mendapat akses kepada pendidikan formal.

Tindakan ini dapat dilihat dengan jelas melalui usaha yang dilakukan oleh Dayang Sa'adah (Sahada) binti Datu Patinggi Ghafur.⁶¹ Beliau merupakan salah seorang wanita Sarawak terawal yang memberikan sumbangan signifikan kepada pendidikan masyarakat, terutamanya dalam memperkasakan kaum perempuan. Sumbangan beliau yang paling menonjol adalah penubuhan Sekolah Abang Kasim pada tahun 1883. Dalam usaha untuk memastikan masyarakat berpeluang mempelajari kemahiran membaca dan menulis, Dayang Sahada dan suaminya, Datu Bandar Abang Kasim, dengan murah hati telah meminjamkan sebahagian daripada kediaman mereka untuk dijadikan ruang kelas.⁶² Kelas tersebut kemudiannya menjadi titik permulaan, atau lebih tepat lagi, batu loncatan kepada penubuhan Sekolah Abang Kasim. Sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat Melayu terhadap pembukaan kelas ini menarik perhatian Rajah Charles Brooke, yang kemudiannya berkenan menubuhkan sebuah sekolah khas untuk mereka. Sehubungan itu, pada tahun 1883, sekolah Melayu kerajaan yang pertama ditubuhkan di Kuching dan dinamakan Sekolah Abang Kasim.⁶³ Seterusnya, pada tahun 1926, sekali lagi Dayang Sahada dan suaminya menunjukkan komitmen mereka terhadap pendidikan dengan membenarkan rumah mereka digunakan sebagai ruang kelas untuk pelajar perempuan sementara menunggu pembinaan bangunan Sekolah Permaisuri disiapkan.⁶⁴ Kelas-kelas ini diadakan di rumah mereka selama kira-kira empat tahun, memandangkan Sekolah Permaisuri hanya siap sepenuhnya pada tahun 1930.⁶⁵ Tindakan tersebut bukan sahaja mencerminkan kesungguhan Dayang Sahada dalam menyokong pendidikan masyarakat, tetapi juga menegaskan kepada masyarakat bahawa peranan dalam perkembangan pendidikan di Sarawak tidak hanya terhad kepada Rane Margaret, tetapi turut melibatkan sumbangan signifikan Dayang Sahada dan suaminya. Hal ini kerana, tanpa kesediaan mereka untuk meminjamkan rumah mereka sebagai ruang kelas, cita-cita Rane Margaret untuk menubuhkan sekolah mungkin tidak akan tercapai. Secara tidak langsung, Sekolah Abang Kasim juga mungkin tidak akan wujud sama sekali.

Selain daripada Dayang Sahada, terdapat seorang lagi tokoh wanita Sarawak yang turut memainkan peranan penting dalam memajukan pendidikan masyarakat khususnya wanita di Sarawak iaitu Lily Eberwein Abdullah atau lebih dikenali sebagai Cikgu Lily.⁶⁶ Usaha beliau yang pertama dapat dilihat menerusi penubuhan Persatuan Wanita Melayu Sarawak (PWMS) pada 16 Mac 1947.⁶⁷ Penubuhan persatuan yang lebih dikenali sebagai kaum ibu tersebut merupakan respon kaum ibu terhadap penyerahan Sarawak kepada British. Dalam persatuan tersebut, Cikgu Lily menjawat jawatan sebagai Pengerusi, Ajibah Abol selaku Setiausaha Agung, Masni Abu Bakar sebagai Penolong Setiausaha, Mak Dori Ali sebagai Bendahari dan dibantu oleh beberapa orang ahli jawatankuasa yang lain.⁶⁸ Pada awalnya, tujuan utama penubuhan kaum ibu adalah untuk membantah penyerahan Sarawak kepada British. Sebagai contohnya, kaum ibu menyertai demonstrasi di jalan raya, berkempen dari rumah ke rumah, menulis surat bantahan dan sebagainya.⁶⁹ Namun demikian,

kaum ibu turut digunakan sebagai platform untuk memperjuangkan pendidikan masyarakat setempat. Ini kerana, semasa berlakunya gerakan anti penyerahan banyak sekolah kerajaan yang terpaksa ditutup ekoran perletakan jawatan beramai-ramai oleh guru Melayu yang membantah penyerahan Sarawak.⁷⁰ Penutupan sekolah tersebut menyebabkan, ramai kanak-kanak Melayu tidak mempunyai sekolah untuk belajar. Oleh itu, Cikgu Lily dan kaum ibu telah bekerjasama dengan kaum bapa untuk menubuhkan sekolah rakyat. Misalnya, Cikgu Lily menubuhkan Sekolah Rakyat Perempuan di Jalan Datu Patinggi Ali dan Sekolah Rakyat Perempuan di Jalan Haji Taha.⁷¹ Di sekolah-sekolah rakyat tersebut, Kaum Ibu khususnya bekas guru dari sekolah kerajaan yang meletak jawatan telah mengajar secara percuma. Antaranya ialah, Cikgu Lily Eberwein, Cikgu Ajibah Abol, Cikgu Raliah binti Mohamad, Cikgu Masni binti Abu Bakar, Cikgu Jita binti Mohamad, Cikgu Sharifah Sallah binti Syed A. Rahman, Cikgu Sharifah Hasidah binti Tuanku Mansor, Cikgu Sallah binti Sheikh Abdullah, Cikgu Nancy binti Haji Ahmad, Cikgu Dayang Masbah binti Abang Bunsu dan Cikgu Faridah binti Lambong.⁷² Namun sayangnya, sekolah rakyat perempuan tersebut terpaksa ditutup akibat kekurangan dana.

Setelah kegagalan gerakan anti penyerahan dan penutupan sekolah rakyat perempuan, Cikgu Lily banyak menghabiskan masanya di rumah. Pada masa itulah, beliau melihat ramai kanak-kanak di kawasan tempat tinggal beliau banyak bermain dan tidak bersekolah. Senario tersebut menyebabkan jiwa pendidik Cikgu Lily meronta-ronta untuk mendidik dan mencurahkan ilmu kepada masyarakat khususnya kanak-kanak di kawasan tersebut. Susulan itu, beliau lalu membuka kelas belajar bahasa Inggeris di rumah beliau sendiri di Jalan Satok pada tahun 1950.⁷³ Kelas tersebut kemudiannya dikenali sebagai *Satok English School* (SES). Pada tahun 1953, sekolah berkenaan berjaya didaftarkan secara rasmi. Menurut Hafsa Harun, tujuan Cikgu Lily menubuhkan sekolah Inggeris adalah disebabkan kesedaran beliau tentang kepentingan bahasa Inggeris.⁷⁴ Ini kerana, bahasa Inggeris merupakan bahasa pengantar yang digunakan dalam sektor perkhidmatan kerajaan. Individu yang mampu bertutur dalam bahasa Inggeris mempunyai peluang cerah untuk berkhidmat dalam sektor kerajaan. Oleh sebab itu, beliau menitikberatkan pelajaran bahasa Inggeris.

Sebagai sebuah sekolah persendirian, SES tidak menerima sebarang peruntukan daripada pihak kerajaan.⁷⁵ Oleh itu, SES sering mengadakan *sale work* bagi menjual barangan kraftangan yang dihasilkan oleh para pelajar. Hasil daripada jualan tersebut digunakan untuk menampung perbelanjaan sekolah dan membayar gaji guru. SES juga mendapat dana hasil sumbangan daripada bekas-bekas pelajarnya. Pada awalnya, SES bermula dengan hanya seorang pelajar namun bertambah kepada 20-30 orang pelajar.⁷⁶ Pertambahan pelajar berlaku kerana ibu bapa daripada kampung yang berdekatan turut menghantar anak mereka ke sekolah tersebut. Ini memandangkan, sebagai bekas Guru Besar di Sekolah Permaisuri serta ketua Kaum Ibu, Cikgu Lily sememangnya dihormati oleh masyarakat setempat. Oleh itu, apabila mendengar beliau membuka sekolah, ibu bapa mula berpusing-pusing menghantar anak mereka ke sekolah tersebut. Tambahan pula, mereka juga ingin anak mereka belajar bahasa Inggeris daripada Cikgu Lily kerana beliau fasih dan cekap mengajar bahasa Inggeris. Perkara ini diakui oleh bekas anak murid beliau yang bernama Jahidin Abdul Latif. Menurut Jahidin, metode pengajaran Cikgu Lily adalah beliau akan mewajibkan setiap murid membaca petikan dalam bahasa Inggeris dengan sebutan yang tepat dan betul.⁷⁷ Mereka juga dikehendaki memahami petikan yang dibaca. Jelas Jahidin, metode tersebut bukan sahaja membuatkan mereka lancar berbahasa Inggeris tetapi juga meningkatkan keyakinan mereka untuk berucap di depan orang ramai.⁷⁸

SES menerima sambutan yang amat menggalakkan daripada masyarakat setempat. Ekoran itu, bilangan kelas lalu ditambah menjadi enam buah sehingga tingkatan dua.⁷⁹ Setiap kelas mempunyai dua sesi pembelajaran dengan lima atau enam orang guru. Kokurikulum sekolah adalah sama dengan kebanyakan sekolah yang lain namun pada masa yang sama para pelajar juga mempelajari beberapa kemahiran seperti memasak, menjahit, membuat kraftangan dan sebagainya. Anni Hashimah yang

merupakan bekas pelajar SES mengatakan, kelas memasak diadakan pada setiap hari Sabtu.⁸⁰ Di dalam kelas tersebut, Cikgu Lily akan mengajar pelajar memasak pelbagai jenis juadah.

SES terbuka kepada semua kaum sama ada Melayu, Cina, India, Iban dan masyarakat Dayak lainnya. Malahan, SES turut menerima pelajar dewasa. Misalnya, SES mempunyai dua orang pelajar lelaki dewasa daripada *Boy's Home*.⁸¹ Pelajar tersebut tidak diterima di sekolah kerajaan kerana sudah terlalu dewasa. Oleh sebab itu, pihak *Boy's Home* menghantar mereka ke SES. Tahun 1959 merupakan hari paling bersejarah bagi SES kerana Gabenor Sarawak iaitu Anthony Abell telah melawat sekolah tersebut.⁸² Lawatan tersebut merupakan satu pengiktirafan kepada SES sebagai sebuah sekolah persendirian yang berdikari. Selain mengajar di SES pada siang hari, Cikgu Lily turut membuka kelas bahasa Inggeris untuk golongan wanita dewasa pada waktu malam.⁸³ Kelas tersebut dibuka bagi membolehkan para ibu belajar bahasa Inggeris agar mereka mampu bertutur dalam bahasa Inggeris seperti anak-anak mereka. Kelas tersebut bukan sahaja diadakan di kampung beliau tetapi juga di kampung-kampung yang berdekatan.

Wanita Sarawak yang seterusnya ialah Barbara Mendu Bay.⁸⁴ Penglibatan beliau dalam pelbagai kegiatan amal memupuk sikap peduli beliau kepada nasib masyarakat. Berikutan itu, beliau mengasaskan Sekolah St. Faith di Sekama, Kuching bagi membolehkan masyarakat mendapat pendidikan. Sejarah penubuhan sekolah tersebut bermula dengan berakhirnya Perang Dunia Kedua. Barbara mendapati ramai kanak-kanak di area Sekama tidak bersekolah akibat ketiadaan sekolah di kawasan terbabit. Oleh itu, pada tahun 1948 Barbara pernah mendatangi Pengetua Sekolah St. Mary iaitu Miss Andrew bagi membincangkan idea penubuhan sekolah di Sekama.⁸⁵ Namun demikian, idea tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan sumber daya. Miss Andrew kemudiannya mencadangkan Barbara untuk menanggung idea tersebut buat sementara waktu sehingga kedatangan Bishop Cornwall. Pada tahun 1950, sebaik sahaja Bishop Cornwall tiba di Sarawak, Barbara telah mengusulkan idea penubuhan sekolah di Sekama.⁸⁶ Cadangan beliau diterima baik oleh Bishop Cornwall. Susulan itu, pada tahun 1950, Sekolah St. Faith telah dibuka di bahagian bawah rumah Barbara di Jalan Mendu.

Tenaga pengajar yang terawal di St. Faith terdiri daripada Pn. Eunice Antan dan Ms. Lamin manakala, para pelajarnya pula kebanyakannya berasal dari Kampung Sekama dan Tabuan Dayak, Kuching.⁸⁸ Dalam pada itu, Barbara juga sering berkunjung ke kawasan luar bandar dan pesisir bagi mencari pelajar baru.⁸⁹ Di setiap kunjungan tersebut, beliau akan memujuk ibu bapa untuk membenarkannya membawa anak gadis mereka ke Kuching untuk diberi pendidikan. Beliau tidak meminta sebarang bayaran daripada ibu bapa tersebut. Malahan, tempat tinggal juga disediakan untuk para gadis tersebut di rumahnya. Perkara ini diakui oleh cucu Barbara sendiri iaitu Albert Nichol. Menurut Albert, lazimnya gadis-gadis tersebut akan tinggal di rumah mereka sehingga tamat tingkatan lima.⁹⁰

Pada tahun 1956, bilangan pelajar di St. Faith meningkat kepada 93 orang.⁹¹ Ekoran itu, seorang tenaga pengajar yang baru telah ditambah iaitu Ms. Phyllis Gawing. Pada tahun yang sama juga, St. Faith mula mengenakan bayaran sebanyak \$1 sebulan serta memperkenalkan pemakaian pakaian seragam sekolah.⁹² Pakaian seragam tersebut berwarna putih namun tali pinggang pelajar perempuan berwarna biru. Pada tahun 1957, di bawah pentadbiran guru besar Robert Sulis, bilangan pelajar bertambah lagi kepada 115 orang pelajar. Namun begitu, beliau hanya berkhidmat sementara sahaja di sekolah tersebut. Setelah itu, jawatan guru besar di Sekolah St. Faith diambil alih oleh Mr. Kong Yun Chong iaitu guru terlatih dari Sekolah St. Thomas. Pada peringkat awal, St. Faith hanya menyediakan pendidikan sehingga darjah empat. Pelajar yang cemerlang di darjah empat biasanya dihantar ke Sekolah St. Thomas dan St. Mary untuk menyambung pendidikan darjah lima dan enam.⁹³ Namun demikian, disebabkan kepadatan bilangan pelajar di kedua-dua buah sekolah berkenaan, mereka terpaksa menolak kemasukan pelajar dari Sekolah St. Faith. Berikutan itu, St. Faith mula

membuka kelas darjah lima pada tahun 1959 dan darjah enam pada tahun 1960.⁹⁴

Pertambahan bilangan kelas membawa kepada pertambahan bilangan pelajar. Sebagai contohnya, bilangan pelajar St. Faith pada tahun 1960 meningkat kepada 156 orang. Secara tidak langsung, bahagian bawah rumah Barbara sudah tidak cukup untuk menampung jumlah pelajar tersebut. Oleh yang demikian, Barbara dan suaminya telah mendermakan tanah mereka di *Kenyalang Park* sebagai tapak untuk mendirikan bangunan Sekolah St. Faith yang baru.⁹⁵ Sekolah tersebut siap dibina pada bulan Januari 1961 dengan menelan kos sebanyak \$46 051. Dengan adanya bangunan sekolah yang baru tersebut, kelas di rumah Barbara lalu ditutup sepenuhnya. Bilangan guru juga turut bertambah kepada enam orang yang mana empat daripadanya merupakan guru terlatih. Sekolah St. Faith berdiri kukuh sehingga tahun 2011 sebelum terpaksa ditutup sepenuhnya akibat masalah kekurangan pelajar.

Di samping menubuhkan Sekolah St. Faith, Barbara Mendu juga telah mengasaskan *Sarakup Indu Dayak Sarawak* (SIDS).⁹⁶ Beliau menyandang jawatan sebagai Pengerusi pertama persatuan tersebut manakala Tra Zehnder⁹⁷ dilantik sebagai Setiausaha Agung. Persatuan ini memainkan peranan penting dalam membantu wanita Dayak menyesuaikan diri dengan kehidupan di bandar Kuching. Hal ini demikian kerana, pada ketika itu, majoriti wanita Dayak adalah buta huruf kerana tidak pernah mendapat peluang pendidikan formal. Oleh itu, Barbara dan Tra Zehnder, bersama pihak SIDS, berusaha untuk membantu golongan wanita Dayak ini. Sebagai contoh, mereka menganjurkan kelas pendidikan dewasa secara percuma khusus untuk wanita-wanita Dayak.⁹⁸ Perkara ini diakui oleh Datuk Alice Jawan yang menyatakan “*So, SIDS at that times organised cooking, reading and writing classes for adults and also emphasized education for our women*”.⁹⁹ Menurut beliau, SIDS bukan sahaja mengadakan kelas untuk kemahiran asas 3M (membaca, menulis, mengira) tetapi juga menawarkan beberapa kemahiran asas lain yang berkaitan dengan rumah tangga. Beliau turut menegaskan bahawa SIDS sentiasa menekankan kepentingan pendidikan kepada kaum perempuan yang menghadiri kelas-kelas mereka, memandangkan pendidikan merupakan kunci utama penubuhan SIDS.¹⁰⁰

Ajibah Abol¹⁰¹ turut menyumbang secara signifikan kepada perkembangan pendidikan masyarakat, meskipun jasa beliau lebih sering dikaitkan dengan penglibatan dalam bidang politik. Sebagaimana Cikgu Lily, Ajibah Abol juga terlibat dalam gerakan anti-penyerahan dan telah mengambil keputusan untuk meletakkan jawatan sebagai guru di Sekolah Permaisuri sebagai tanda protes. Bersama Cikgu Lily Eberwein, beliau kemudiannya mengasaskan Majlis Pelajaran Ugama pada tahun 1946, di mana Cikgu Lily Eberwein dilantik sebagai Pengerusi manakala Ajibah Abol berperanan sebagai Setiausaha Agung.¹⁰² Melalui Majlis tersebut, mereka membuka kelas agama untuk anak-anak Melayu serta kelas pendidikan dewasa untuk masyarakat setempat yang buta huruf.¹⁰³ Usaha dan perjuangan mereka mendapat sokongan daripada guru-guru Melayu lain yang turut meletak jawatan sebagai protes terhadap penyerahan Sarawak kepada British.

Walaupun gerakan anti-penyerahan gagal, Ajibah Abol tetap berpegang pada prinsipnya dan tidak pernah kembali mengajar di sekolah kerajaan. Sebaliknya, beliau mengambil inisiatif untuk membuka sebuah tadika di rumahnya di Kampung Masjid, Kuching.¹⁰⁴ Perkara tersebut diakui oleh Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Datuk Patinggi Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg. Menurut beliau, pada tahun 1950-an Ajibah Abol yang turut dikenali sebagai Cikgu Patung oleh penduduk kampung telah menggunakan bahagian bawah rumahnya untuk membuka sebuah tadika.¹⁰⁵ Tadika tersebut digelar sebagai Sekolah Cikgu Patung. Jelas beliau lagi, meskipun tadika tersebut serba kekurangan dari segi kemudahan dan peralatan, ia tetap menerima sambutan yang sangat menggalakkan daripada penduduk kampung.¹⁰⁶ Ramai ibu bapa mengambil kesempatan ini untuk menghantar anak-anak mereka ke tadika tersebut, walaupun menyedari keadaan yang serba kekurangan. Sambutan yang hangat ini bukan sahaja disebabkan oleh keinginan ibu bapa untuk

memberikan pendidikan awal kepada anak-anak mereka, tetapi juga kerana tadika tersebut dibuka secara percuma, menjadikannya lebih mudah diakses oleh golongan berpendapatan rendah di kampung tersebut.

Tujuan utama Ajibah Abol menubuhkan tadika tersebut adalah untuk menyediakan pendidikan asas kepada kanak-kanak Melayu, dengan harapan mereka akan lebih bersedia sebelum melangkah ke alam sekolah rendah.¹⁰⁷ Ini kerana beliau menyedari bahawa ramai anak-anak kampung menghadapi kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah, sehingga menyebabkan ibu bapa mereka terpaksa menemani mereka sepanjang hari di sekolah. Melihat keadaan ini, Ajibah Abol mengambil inisiatif untuk menubuhkan tadika tersebut sebagai langkah awal untuk membantu kanak-kanak kampung mengadaptasi suasana pembelajaran formal dengan lebih baik. Tambahan pula, penubuhan tadika ini juga bertujuan untuk memastikan kanak-kanak Melayu tidak ketinggalan berbanding dengan anak-anak Cina yang lebih maju dan berkemampuan, yang sudah mempunyai akses kepada pendidikan awal yang lebih teratur dan lengkap. Dalam pada itu, Ajibah turut membuka kelas agama dan kelas pendidikan dewasa untuk penduduk kampung khususnya kaum wanita.¹⁰⁸ Kelas tersebut diadakan pada waktu petang manakala tadika dibuka pada sebelah pagi sahaja. Ajibah Abol membuka kelas tersebut dengan matlamat untuk membantu masyarakat Melayu menjadi celik huruf, memandangkan pada waktu itu, kadar buta huruf di kalangan masyarakat Melayu adalah agak tinggi berbanding dengan masyarakat Cina.¹⁰⁹ Kesedaran akan keperluan ini mendorong beliau untuk membuka kelas pendidikan dengan harapan dapat mengurangkan kadar buta huruf di kalangan masyarakat Melayu. Pembukaan tadika dan kelas pendidikan dewasa tersebut menjadikan rumah Ajibah Abol sentiasa meriah dengan kehadiran penduduk kampung yang ingin memanfaatkan peluang pendidikan yang disediakan. Namun, malangnya, kelas dan tadika tersebut tidak merekodkan kehadiran pelajar secara rasmi.¹¹⁰ Walaupun pada tahun 1961, Ajibah Abol mula terlibat dalam dunia politik dengan menyertai parti Barisan Jati Anak Sarawak (BARJASA), tadika dan kelas belajar yang dibuka di rumahnya masih terus beroperasi, menunjukkan dedikasi beliau terhadap pendidikan masyarakat.¹¹¹

Tidak ketinggalan juga, Sharifah Rehanah Syed Razali, atau lebih dikenali sebagai Ibu Anah.¹¹² Beliau turut menyumbang kepada pendidikan masyarakat dengan menubuhkan sebuah sekolah mini di rumahnya di Kampung Datu, Sibul.¹¹³ Tujuan penubuhan sekolah tersebut adalah serupa, iaitu untuk membolehkan penduduk kampung mempelajari kemahiran membaca dan menulis. Menariknya, Ibu Anah sendiri turut menjadi pelajar di sekolah tersebut kerana beliau juga buta huruf dan hanya mahir membaca tulisan jawi. Selain memberikan pelajaran asas, sekolah tersebut juga menawarkan kelas dalam kemahiran memasak, menjahit, dan pengajian Al-Quran.¹¹⁴ Ini selaras dengan latar belakang Ibu Anah yang merupakan guru agama di kampung tersebut, menjadikan sekolah mini ini pusat pembelajaran serba guna untuk masyarakat setempat.

Seterusnya Chi Mei Shi¹¹⁵, seorang wanita kelahiran Shanghai, turut memainkan peranan penting dalam perkembangan pendidikan di Sarawak. Beliau mengasaskan *Rejang Secondary School*, yang dibuka pada tahun 1960 di Jalan Oya, Sibul.¹¹⁶ Penubuhan sekolah ini dilakukan setelah beliau baru sahaja bersara daripada mengajar di Sekolah Methodist, Sibul. Keputusan beliau untuk mendirikan sekolah tersebut didorong oleh keinginan untuk menyediakan peluang pendidikan bagi pelajar-pelajar yang gagal memasuki sekolah menengah kerajaan.¹¹⁷ Dengan penubuhan *Rejang Secondary School*, beliau memastikan bahawa pelajar-pelajar ini masih mempunyai tempat untuk melanjutkan pendidikan mereka, sekaligus membantu mereka mendapatkan pendidikan yang mereka perlukan untuk masa depan yang lebih cerah. Namun, pada tahun 1974, *Rejang Secondary School* terpaksa ditutup sepenuhnya akibat kekurangan pelajar.¹¹⁸ Penutupan ini berlaku setelah kerajaan Malaysia memansuhkan ujian kemasukan ke sekolah menengah, yang membolehkan semua pelajar memasuki sekolah menengah kerajaan tanpa perlu menduduki ujian saringan. Natijahnya, sekolah-

sekolah persendirian mula kehilangan sokongan dari komuniti, dan banyak yang akhirnya terpaksa menutup operasi mereka.

Seperti wanita-wanita terkemuka yang disebutkan sebelum ini, Chi Mei Shi juga menekankan pentingnya pendidikan untuk kaum perempuan. Meskipun sekolah yang dibuka oleh beliau terbuka kepada semua tanpa mengira jantina dan kaum, keutamaan beliau tetap diberikan kepada pendidikan kaum perempuan. Hal ini dapat dibuktikan melalui kata-kata beliau, *"If I had enough money to educate one child, the child would be a girl because girls, in many ways, are still at a disadvantage."*¹¹⁹ Kenyataan ini mencerminkan kesedaran beliau tentang kemunduran pendidikan perempuan yang sering diabaikan, baik di Shanghai mahupun di Sarawak. Bagi Chi Mei Shi, pendidikan untuk kaum perempuan adalah kunci untuk mengatasi ketidakadilan yang mereka hadapi. Atas sebab itu, pendidikan dan kebajikan wanita sentiasa menjadi agenda utama beliau, terutama selepas menyertai *Sarawak United People's Party* (SUPP). Melalui penglibatannya dalam politik, Chi Mei Shi terus memperjuangkan hak-hak pendidikan dan kesejahteraan wanita, menjadikan isu-isu ini sebagai fokus utama dalam usaha beliau untuk memperbaiki kehidupan wanita di Sarawak.

Kesimpulan

Tuntasnya, perbincangan di atas memperlihatkan bahawa kedudukan wanita dalam sektor pendidikan di Sarawak masih berada pada tahap yang rendah. Pendidikan kaum wanita jauh ketinggalan berbanding pendidikan kaum lelaki, dan sehingga menjelang kemerdekaan negeri, kedudukan ini masih belum banyak berubah. Namun begitu, kajian ini juga menunjukkan bahawa, sepertimana wanita Barat, wanita Sarawak turut memainkan peranan penting dalam memajukan sektor pendidikan di negeri ini. Peranan mereka terlihat jelas melalui usaha-usaha gigih yang telah mereka jalankan. Meskipun menghadapi prasangka negatif daripada masyarakat terhadap wanita yang berpendidikan, hal ini tidak menghalang mereka untuk terus berdiri di barisan hadapan dalam memperjuangkan pendidikan, khususnya bagi kaum wanita. Mereka telah bekerjasama dengan kaum lelaki dalam memajukan pendidikan masyarakat, bahkan sanggup mengorbankan masa, tenaga, dan harta benda peribadi demi memastikan masyarakat memperoleh pendidikan yang sewajarnya.

Nota

¹ Ooi Keat Gin, *Dunia di seberang sungai: Pendidikan di Sarawak dari zaman pemerintahan Brooke hingga ke pentadbiran Pejabat Tanah*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2001.

² Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak: 1841-1941*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.

³ Ooi Keat Gin, *Dunia di seberang sungai*, hlm. 41-42. Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera*, hlm. 45-46.

⁴ *Ibid.*

⁵ Ooi Keat Gin, "Women Should be helpmates and not drags upon their husbands": Female education in Brooke Sarawak, 1841-1941, Paper presented at 6th International Interdisciplinary Congress on Women, Adelaide, Australia, 22-26 April 1996, hlm. 10-12. Lihat juga Ooi Keat Gin, *Dunia di seberang sungai*, hlm. 61-63.

⁶ Chew, D., *Chinese pioneers on the Sarawak frontier 1841-1941*, New York: Oxford University Press, 2004

⁷ *Ibid.*, hlm. 151-152.

⁸ Taylor, B. dan Heyward, P. M., *The Kuching Anglican schools 1848-1973*, Kuching: Lee Ming Press Co., 1973.

⁹ Ong-Liew, Linda., *History of St. Mary's School Kuching 1848-1998*, Kuching: St. Mary's School Board of Management, 1998.

- ¹⁰ Taylor, B. dan Heyward, P. M., *The Kuching Anglican schools*, hlm. 1-3. Ong-Liew, Linda., *History of St. Mary's School*, hlm. 1-3.
- ¹¹ Low, H., *Sarawak: Its inhabitants and productions*, London: Frank Cass and Company Limited, 1968, hlm. 138-139. Lihat juga Sabihah Osman, *Pelajaran Bumiputera Sarawak*, hlm. 43. Najihah Abdul Mutalib, "Pencapaian masyarakat Melayu Sarawak dalam bidang Pendidikan sebelum dan selepas merdeka", *Jurnal Pengajian Melayu* 20, no. 1, 2009, hlm. 223.
- ¹² t.n.p., *Information on Sarawak*, Kuching: Borneo Literature Bureau, 1961, hlm. 11.
- ¹³ Gomes, E.H., *Children of Borneo*: Edinburgh, Oliphant, Anderson & Ferrier, 1912, hlm. 28. Lihat juga Gomes, E.H., *Seventeen years among the Sea Dyaks of Borneo*, London: Seeley & CO. Limited, 1911, hlm. 46-47. McDougall, H., *Sketches of our life in Sarawak*, London: Society for promoting Christian knowledge, 1882, hlm. 74. Low, H., *Sarawak its inhabitants*, hlm. 226-231. Noria Tugang, *Pua identiti dan budaya masyarakat Iban*, Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak, 2014, hlm. 29-35.
- ¹⁴ Brooke, C., *Queries: past, present and future*, London: The Planet, 1907, hlm. 4 & 11-12. Lihat juga Sabihah Osman, "Pemerintahan Brooke dan Pelajaran bumiputera di Sarawak", *Jebat* 1, 1971, hlm. 66-67. Julina Ottot, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dan Mardiana Nordin, "Laporan Woodhead dalam Memperkasakan Pendidikan di Sarawak", *Jebat* 51, no. 2, 2024, hlm. 181. Pautan: <https://journalarticle.ukm.my/24081/1/179-198%2075632-248608-3-PB.pdf> (diakses pada 28/10/2024).
- ¹⁵ Nordi Achie, *Kolonialisme dan Kristianisasi Melayu di Sarawak 1850-1950*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2013, hlm. 9. Lihat juga Sharifah S. Ahmad, "The Irrationality of Malay Proselytisation: The Failure of education as a tool for 'civilising' native", *Jurnal Kemanusiaan* 29, no. 1, 2022, hlm. 57. Suffian Mansor, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dan Julina Ottot, "Masalah dan Isu Pendidikan Pada Era Pemerintahan Raja Brooke di Sarawak", *Malaysia Dari Segi Sejarah* 52, no. 1, 2023, hlm. 148-149.
- ¹⁶ McDougall, H., *Sketches of our life*, hlm. 20. Lihat juga Linda Ong-Liew, *History of St. Mary's*, hlm. 1.
- ¹⁷ *Ibid.*, Lihat juga Sabihah Osman, *Pelajaran bumiputera Sarawak*, hlm. 96-97. Syed Idrus Syed Ahmad dan R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 72-74.
- ¹⁸ Sabihah Osman, *Pelajaran bumiputera Sarawak*, hlm. 104-105. Lihat juga Nordi Achie, *Kolonialisme dan Kristianisasi*, hlm. 12.
- ¹⁹ Brooke, M., *My life in Sarawak*, London: Methuen, 1913, hlm. 162-164. Lihat juga Runciman, S., *The White Rajahs: A History of Sarawak from 1841 to 1946*, Cambridge: The University Press., 1960, hlm. 214. Sabihah Osman, *Pelajaran bumiputera Sarawak*, hlm. 46-48. Syed Idrus Syed Ahmad dan R. Santhiram, *Perkembangan pendidikan di Sarawak*, hlm. 46. Ong Puay Liu et al., "The making of Malaysian solidarity: A historical look at education and social cohesion in Sarawak", *Geografia* 10, no. 1, 2014, hlm. 41. Nordi Achie, "Kemunduran pendidikan masyarakat Melayu di Sarawak pada awal pemerintahan kolonial British 1946-1950: Satu tinjauan dari perspektif Utusan Sarawak, 1946-1950", *Jurnal Malaysia Dari Segi Sejarah* 29, no. 2, 2001, hlm. 17-18.
- ²⁰ *Ibid.*, hlm. 50-60. Lihat juga Ooi Keat Gin, *Dunia di seberang sungai*, hlm. 41-52. *Sarawak Gazette*, 1 September 1927, hlm. 231 & 1 Jun 1928, hlm. 119. Ong Puay Liu et al, "The making of Malaysian..", hlm. 41. Nordi Achie, "Kemunduran pendidikan masyarakat Melayu..", hlm. 18.
- ²¹ *Sarawak Gazette*, 2 Mac 1931, hlm. 47.
- ²² Sarawak Heritage Society, "The old Hokkien school building, Kuching, Sarawak, (1911)", Pautan: <https://sarawakheritagesocietydotcom.files.wordpress.com/2016/01/20160118-hokk-school-w.pdf> (diakses pada Mei 2022). Lihat juga Suffian Mansor, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dan Julina Ottot, "Masalah dan Isu Pendidikan..", hlm. 149.
- ²³ Wan Kamal Mujani dan Noranizah Yusuf, "Islam dan missionari di Sarawak: Kesan terhadap pendidikan pada zaman Crown Colony, 1841-1941", *Sosiohumanika* 3, no. 2, 2010, hlm. 237. Pautan: <https://journals.mindamas.com/index.php/sosiohumanika/article/view/414> (diakses pada Oktober 2024). Lihat juga *Sarawak Gazette*, 1 Ogos 1939, hlm. 122-123.

Peranan Wanita Dalam Membangunkan Pendidikan Perempuan di Sarawak, 1880-1963

- ²⁴ Ho Hui Ling, "Pembangunan sosial di negeri Sarawak pada zaman pentadbiran colonial British, 1946-1963", *Jurnal Sarjana* 24, no. 2, 2009, hlm. 87.
- ²⁵ Ooi Keat Gin, *Dunia di seberang sungai*, hlm. 112-113.
- ²⁶ *Ibid.*, hlm. 119-120. Lihat juga Porritt, V.L., *British colonial rule in Sarawak 1946-1963*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997, hlm. 300.
- ²⁷ Julina Ottot, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dan Mardiana Nordin, "Laporan Woodhead..", hlm. 190.
- ²⁸ Ho Hui Ling, "Pembangunan sosial di negeri Sarawak..", hlm. 89.
- ²⁹ *Ibid.*
- ³⁰ Ooi Keat Gin, *Dunia di Seberang sungai*, hlm. 126-129.
- ³¹ Porritt, V.L., *British colonial rule*, hlm. 314.
- ³² Brooke, M., *My life in Sarawak*, hlm. 159.
- ³³ Hammond, R.W., "Report Education in Sarawak", Typescript, Kuching, Arkib Negeri Sarawak, 1937.
- ³⁴ Hammond, R.W., "Report Education in Sarawak", hlm. 97.
- ³⁵ Ong Puay Liu et al., "The making of Malaysian..", hlm. 42.
- ³⁶ Sabihah Osman, *Pelajaran bumiputera Sarawak*, hlm. 62.
- ³⁷ *Sarawak Gazette*, 1 April 1936, hlm. 88 & 1 April 1937, hlm. 87.
- ³⁸ Hammond, R.W., "Report Education in Sarawak"
- ³⁹ *Ibid.*
- ⁴⁰ *Ibid.*
- ⁴¹ Porritt, Vernon L., *British Colonial Rule*, hlm. 314.
- ⁴² *Ibid.*
- ⁴³ Julina Ottot, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dan Mardiana Nordin, "Laporan Woodhead..", hlm. 191.
- ⁴⁴ *Sarawak Gazette*, 31 Mac 1962, hlm. 64-65.
- ⁴⁵ *Sarawak Gazette*, 30 September 1963, hlm. 223.
- ⁴⁶ *Sarawak Gazette*, 31 Disember 1961, hlm. 242-244.
- ⁴⁷ Rujukan lanjut *Sarawak Gazette*, 31 Mac 1962, hlm. 66-70.
- ⁴⁸ Jawi Peranakan, "Something about Malay women", dlm. *Sarawak Gazette*, 1 October 1931, hlm. 211-212.
- ⁴⁹ *Ibid.*
- ⁵⁰ Dipetik dalam Nordi Achie, "Akhbar Melayu perjuangan di Sarawak: Satu kajian terhadap Fajar Sarawak 1930 dan Utusan Asas 1947-1948", Tesis Sarjana, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001, hlm. 210-212.
- ⁵¹ *Ibid.*
- ⁵² "The Education Department", dlm. *Sarawak Gazette*, 31 Ogos 1954, hlm. 166.
- ⁵³ Ooi Keat Gin, "Women should be helpmates..", hlm. 4. Lihat juga Sabihah Osman, *Pelajaran bumiputera Sarawak*, hlm. 63. Ong Puay Liu et al., "The making of Malaysian..", hlm. 42.
- ⁵⁴ Julina Ottot, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dan Mardiana Nordin, "Laporan Woodhead..", hlm. 193.
- ⁵⁵ Porritt, Vernon L., *British colonial rule*, hlm. 314.
- ⁵⁶ Syed Idrus Syed Ahmad & R. Santhiram, *Perkembangan pendidikan di Sarawak*, hlm. 91.
- ⁵⁷ Awg Kasmurie Awg Kitot, "Peranan Abang Yusuf Puteh dalam pembangunan masyarakat Melayu Sarawak, 1970-2009", Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2017, hlm. 220.
- ⁵⁸ Suffian Mansor, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dan Julina Ottot, "Masalah dan Isu Pendidikan..", hlm. 151-152.
- ⁵⁹ Flowrese William, Pengetua SMK St. Mary's, Temu bual di pejabat beliau pada 7 Februari 2023, Pukul 1:44 petang. Lihat juga Sabihah Osman, *Pelajaran bumiputera Sarawak*, hlm. 134. *Sarawak Gazette*, 31 Mei 1952, hlm. 82. t.n.p., *Information on Sarawak*, hlm. 11
- ⁶⁰ Gomes, E. H, *Seventeen years*, hlm. 103-104. Lihat juga Low, H., *Sarawak its inhabitants*, hlm. 198-199.

⁶¹ Dayang Sa'adah (Sahada) binti Datu Patinggi Ghafur merupakan menantu kepada Datu Isa dan isteri kepada Datu Bandar Abang Haji Kassim serta ibu kepada tokoh nasionalis Sarawak yang tersohor iaitu Datu Patinggi Abang Haji Abdillah. Sumber: Ninie Amira Drahim dan Farid Mat Zain, "Biografi Datu Patinggi Abang Haji Abdillah: Tokoh nasionalisme Negeri Sarawak", Kertas kerja dibentangkan dalam Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) VII: Ulama dan Pemikiran Wasatiyyah Nusantara, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 8-9 Ogos 2017, hlm. 216. Lihat juga Mohd Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-cession Sarawak: Peranan utama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak*, Kuching, Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, 1989, hlm. 26-28.

⁶² Brooke, M., *My life in Sarawak*, hlm. 162-164. Lihat juga Sabihah Osman, *Pelajaran bumiputera Sarawak*, hlm. 46. Syed Idrus Syed Ahmad dan R. Santhiram, *Perkembangan pendidikan di Sarawak*, hlm. 46.

⁶³ *Ibid.*

⁶⁴ Sabihah Osman, *Pelajaran bumiputera Sarawak*, hlm. 61.

⁶⁵ *Ibid.*, Lihat juga *Sarawak Gazette*, 2 Disember 1929, hlm. 208.

⁶⁶ Lily Eberwein Abdullah atau Cikgu Lily dilahirkan pada 11 Julai 1900 di Singapura. Beliau merupakan keturunan Belanda-Scotland dan mendapat pendidikan di Raffles Girls' School, Singapura dan Sekolah St. Mary, Kuching. Pada tahun 1930, beliau dilantik sebagai Guru Besar Sekolah Permaisuri yang pertama. Tanggal 1 April 1980, Cikgu Lily menghembuskan nafas yang terakhir ketika berusia 80 tahun. Sumber: Jehom, W.J., "Lily Eberwein: Her life and involvement in the anti-cession movement", dlm. Susan Black burn dan Helen Ting, *Women in Southeast Asian Nationalist Movements*, Singapore: NUS Press, 2013, hlm. 184-191. Lihat juga Nordi Achie, *Kolonialisme dan Kristianisasi*, hlm. 26. Hafsa Harun, dlm. "Curious Quest, Ep. 04", TVS. Hafsa Harun, "Kaum ibu & perjuangan", Dlm. *Salam Nusantara* Episod 11, Youtube TVS Entertainment, 19 April 2023. <https://youtu.be/1ArtQvsza8Q> (Diakses pada 11 Jun).

⁶⁷ *Ibid.*, hlm. 186. Lihat juga Nordi Achie, "Perjuangan wanita dalam gerakan anti-penyERAHAN 1946-1950", *The Sarawak Museum Journal* 55, no. 76, 2000, hlm. 154-155. Nordi Achie, "Kemunduran pendidikan masyarakat Melayu..", hlm. 18.

⁶⁸ Mohd Hasbie Sulaiman, *Perjuangan anti-cession Sarawak*, hlm. 134

⁶⁹ Reece, R. H. W., *The name of Brooke: The end of white rajah rule in Sarawak*, Kuching: Sarawak Literary Society, 1993, hlm. 275. Lihat juga Mohd Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-cession Sarawak*, hlm. 99 & 127-128. Hafsa Harun, "Kaum ibu & perjuangan", Dlm. *Salam Nusantara* Episod 11, Youtube TVS Entertainment, 19 April 2023. <https://youtu.be/1ArtQvsza8Q> (Diakses pada 11 Jun). Jehom, W.J., "Lily Eberwein: Her life..", hlm. 189-190.

⁷⁰ Seramai 338 orang pegawai kerajaan meletak jawatan dan membentuk kumpulan yang dikenali sebagai Barisan 338. Sebanyak 22 buah daripada 62 buah sekolah Melayu kerajaan ditutup akibat masalah kekurangan guru dan kehadiran pelajar yang rendah. Sumber: Hafsa Harun, "Kaum Ibu & Perjuangan", dlm. *Salam Nusantara*, Ep. 11, TVS Entertainment. Lihat juga Mohd Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 105-108. Nordi Achie, "Kemunduran pendidikan masyarakat Melayu..", hlm. 19-20. Nordi Achie, "Perjuangan wanita..", hlm. 161. Syed Idrus Syed Ahmad & R. Santhiram, *Perkembangan pendidikan di Sarawak*, hlm. 119. *Sarawak Gazette*, 2 Januari 1948, hlm. 8. Lihat juga Sabihah Osman, "The Malay-muslim response..", hlm. 159-162. Nordi Achie, "*Akhbar Melayu perjuangan di Sarawak: Satu kajian terhadap Fajar Sarawak 1930 dan Utusan Asas 1947-1948*", Tesis Sarjana, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2001, hlm. 310. Porritt, Vernon L., *British colonial rule*, hlm. 303-304. Nordi Achie, "Kemunduran pendidikan masyarakat Melayu..", hlm. 19-20. Najihah Abdul Mutalib, "Pencapaian masyarakat Melayu Sarawak..", hlm. 229.

⁷¹ Sabihah Osman, "The Malay-muslim response to cession of Sarawak to the British Crown 1946-1951", *Jebat* 18, 1990, hlm. 161. Lihat juga Nordi Achie, "Kemunduran pendidikan masyarakat Melayu..", hlm. 27.

⁷² Mohd Hasbie Sulaiman, *Perjuangan anti-cession Sarawak*, hlm. 108-112.

Peranan Wanita Dalam Membangunkan Pendidikan Perempuan di Sarawak, 1880-1963

⁷³ Jehom, W.J., "Lily Eberwein: Her life..", hlm. 190. Lihat juga Hafsa Harun, dlm. *Curious Quest*, Ep. 04, TVS. Sabihah Osman, *Pelajaran bumiputera Sarawak*, hlm. 75. Christina Thomas Mamora, "Pioneering the way to empower women", *Borneo Post Online*, 26 September 2021. Pautan:

<https://www.theborneopost.com/2021/09/26/pioneering-the-way-to-empower-women/> (diakses pada April 2022).

⁷⁴ *Ibid.*

⁷⁵ *Ibid.*

⁷⁶ "Bujang Berani S2 Episod 04," Youtube TVS Entertainment, 12 Ogos 2022. <https://youtu.be/N0wq6JPU0RE?si=5OIRbY5d5axLwxqL> (Diakses pada 24 Februari 2023).

⁷⁷ *Ibid.*

⁷⁸ *Ibid.*

⁷⁹ Jehom, W.J., "Lily Eberwein: Her life..", hlm. 190.

⁸⁰ *Bujang Berani S2*, Ep. 04, TVS Entertainment.

⁸¹ *Ibid.*

⁸² *Ibid.*

⁸³ *Ibid.*

⁸⁴ Dilahirkan pada 4 April 1900 di Sungai Tanju, Kota Samarahan. Perkataan 'Bay' dalam nama beliau diambil daripada nama bapanya 'Bayang'. Barbara mendapat pendidikan di Sekolah St. Mary sehingga tamat darjah VI sebelum terpilih untuk menyertai kursus kejururawatan dan perbidanan di Melaka pada tahun 1917-1923. Setelah tamat pengajian, beliau kembali ke Sarawak dan bekerja sebagai jururawat dan bidan. Ini menjadikan beliau wanita bumiputera pertama yang bekerja sebagai jururawat bertauliah dan bidan professional di Sarawak. Barbara juga merupakan pengasas bersama Persatuan Palang Merah Sarawak (*Red Cross Society*) dan *Sarakup Indu Dayak Sarawak* (SIDS). Beliau juga antara barisan pengasas *Sarawak United People Party* (SUPP). Barbara meninggal dunia pada 12 Mac 1986 ketika berusia 86 tahun. Sumber: Margaret Bedus, 65 Tahun, AJK SIDS, Temubual secara atas talian pada 17 Februari 2023, Pukul 10:00 pagi. Lihat juga Nadrawina Isnin, "Biography: Unsung heroes of Barbara Mendu Bay", Paper presented at *23rd International Conference of Historians of Asia* (IAHA 2014), Alor Setar, Kedah, 23-27 Ogos 2014. hlm. 3-6. Hew, C.S. dan Rokiah Talib, *Tra Zehnder: Iban woman patriot of Sarawak*, Kota Samarahan, Universiti Malaysia Sarawak, 2011, hlm. 83-84. Christina Thomas Mamora, "Championing a crusade steeped in sacrifice", *Borneo Post Online*, 10 Oktober 2021. <https://www.theborneopost.com/2021/10/10/championing-a-crusade-steeped-in-sacrifice/> (diakses pada April 2022). Nordin Achie, Wanita dan politik kepartian di Sarawak tahun 1959-1996, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, 28, 2000, hlm. 124. Pautan: <http://myrepositori.pnm.gov.my/handle/123456789/1337> (diakses pada Ogos 2022).

⁸⁵ Taylor, B. dan Heyward, P. M., *The Kuching Anglican schools*, hlm. 99-100.

⁸⁶ *Ibid.*

⁸⁷ *Ibid.* Lihat juga Nadrawina Isnin, "Biography: Unsung Heroes of..", hlm. 4.

⁸⁸ *Ibid.*

⁸⁹ *Ibid.*

⁹⁰ Dipetik dalam Nadrawina Isnin. "Biography: Unsung Heroes of..", hlm. 4.

⁹¹ Taylor, B. dan Heyward, P. M., *The Kuching Anglican schools*, hlm. 99-100.

⁹² *Ibid.*

⁹³ *Ibid.*

⁹⁴ *Ibid.*

⁹⁵ *Ibid.* Lihat juga Nadrawina Isnin. "Biography: Unsung Heroes of..", hlm. 4.

⁹⁶ Hew, Cheng Sim & Rokiah Talib, *Tra Zehnder: Iban woman patriot of Sarawak*, Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak, 2011, hlm. 84. Lihat juga Margaret Bedus, 65 Tahun, AJK SIDS, Temu bual secara atas talian pada 17 Februari 2023, Pukul 10:00 pagi.

⁹⁷ Philomena Tra anak Inting Jemat lahir pada 25 Oktober 1926 di Sri Aman, Sarawak. Tra mendapat pendidikan di Sekolah St. Mary, Kuching. Beliau merupakan salah seorang pengasas SIDS iaitu sayap wanita *Sarawak Dayak National Union* (SDNU) dan memegang jawatan sebagai setiausaha agung. Beliau merupakan wanita Sarawak pertama yang dilantik sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Pada 24 Mac 1960 sehingga tahun 1963. Tra berkecimpung dalam dunia politik dengan menyertai *Sarawak National Party* (SNAP) pada tahun 1969 dan diangkat menjadi pengerusi sayap wanita parti itu (1968-1983). Selepas keluar daripada SNAP, beliau menyertai *Parti Bansa Dayak Sarawak* (PBDS) serta turut menyandang jawatan sebagai Pengerusi sayap wanita (1987-1993). Tra juga wanita pertama yang dilantik menjadi Temenggung (1988-1996) juga pernah menjadi Ketua Majlis Adat Istiadat. Beliau turut terlibat dalam rundingan Suruhanjaya Cobbold sebagai wakil SDNU. Pada 5 Disember 2010, beliau dianugerahkan gelaran 'Datuk' sebelum meninggal dunia tanggal 22 Julai 2011. Sumber: *Ibid.*, hlm. 2-21, 82-108 & 114-139. Lihat juga Cynthia Zehnder, Dlm. "Bujang Berani S2 Episod 05," Youtube TVS Entertainment, 12 Ogos 2022. (Diakses pada 24 Februari 2023). Jessica Jawing, "Tra Zehnder meninggal dunia", Borneo Post Online, 24 Julai 2011. <https://www.theborneopost.com/2011/07/24/tra-zehnder-meninggal-dunia/> (Diakses pada April 2022). Zora Chan, "Tra Zehnder will be remembered for her achievements and contributions to nation building," The Star, 24 July 2011. <https://www.thestar.com.my/news/community/2011/07/24/tra-zehnder-will-be-remembered-for-her-achievements-and-contributions-to-nation-building> (Diakses pada April 2022).

⁹⁸ *Ibid.*, hlm. 85-86. Lihat juga Margaret Bedus, 65 Tahun, AJK SIDS, Temu bual secara atas talian pada 17 Februari 2023, Pukul 10:00 pagi.

⁹⁹ Datuk Alice Jawan Empaling merupakan Pengerusi SIDS yang ke-10. Beliau memegang jawatan tersebut sejak tahun 2018 sehinggalah sekarang. Sumber: "Bujang Berani S2 Episod 05," Youtube TVS Entertainment, 12 Ogos 2022.

¹⁰⁰ "SIDS HQ Exco visit to the family of the late Madam Barbara Bay Mendu", dlm. Activities and Events: Serakup Indu Dayak Sarawak. Pautan: <https://sidshq.org.my/new/index.php/activities-and-events/35-sids-hq-visit-to-the-family-of-the-late-madam-barbara-bay-mendu> (diakses pada Ogos 2022).

¹⁰¹ Dilahirkan pada 21 September 1921, beliau merupakan anak sulung kepada pasangan Bolhassan bin Man atau Abol dan Meriam binti Samat. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Permaisuri yang dibuka pada tahun 1930 sehingga darjah VI. Ketika berusia 18 tahun, beliau diterima sebagai tenaga pengajar di sekolah terbabit namun, meletak jawatan pada tahun 1947 sebagai tanda protes kepada penyerahan Sarawak kepada British. Beliau kemudiannya bekerjasama dengan Lily Eberwein untuk mengasaskan Kaum Ibu yang mana beliau dilantik sebagai Setiausaha Agung persatuan yang pertama. Menjadi wanita Sarawak pertama yang memegang jawatan sebagai Menteri iaitu Menteri Kebajikan dan Kebudayaan Negeri Sarawak setelah menang pilihan raya tahun 1969. Beliau meninggal dunia pada 15 Julai 1976 akibat sakit jantung. Pada tahun 1977, beliau dianugerahkan dengan gelaran Datuk. Sumber: Nadrawina Isnin, Zabidah Putit & Nor Fadhleen Mahmud, *Sarawak Women in Politics*, Kuching: Sarawak Women and Family Council, 2012, hlm. 16-21. Lihat juga *Curious Quest*, Ep. 04, TVS. Christina Thomas Mamora, "Beating social taboos to pursue change", *Borneo Post Online*, 24 Oktober 2021. Reece, R. H. W., *The name of Brooke*, hlm. 274.

¹⁰² *Ibid.*

¹⁰³ *Ibid.*

¹⁰⁴ Christina Thomas Mamora, "Beating social taboos to pursue change", *Borneo Post Online*, 24 Oktober 2021. Lihat juga Nadrawina Isnin, Zabidah Putit & Nor Fadhleen Mahmud, *Sarawak Women in Politics*, hlm. 19-20.

¹⁰⁵ Abang Johari Tun Abang Openg, "Cikgu Patung @ Datuk Ajibah Abol punyai semangat kental bantu rakyat dalam ilmu", Youtube TV KLXpress Sarawak. https://youtu.be/F0UtYO56F6E?si=631ripBC_LSPyIn0 Ucapan penuh beliau dapat disaksikan dalam siaran langsung Facebook Jiwa Bakti, "Majlis Pelancaran Jentera Pilihan Raya Wanita BN Sarawak", 12 April 2018. https://www.facebook.com/watch/live/?ref=watch_permalink&v=2134591016777613 (Diakses pada 22 Julai).

¹⁰⁶ *Ibid.*

¹⁰⁷ Christina Thomas Mamora, “Beating social taboos to pursue change”, *Borneo Post Online*, 24 Oktober 2021. Lihat juga Nadrawina Isnin, Zabidah Putit & Nor Fadhleen Mahmud, *Sarawak Women in Politics*, hlm. 19-20.

¹⁰⁸ *Ibid.*

¹⁰⁹ *Ibid.*

¹¹⁰ *Ibid.*

¹¹¹ “A report of Political Parties in Sarawak on October, 18th 1963”, POL 18 Sarawak 1962, 1963 & 1964, hlm. 22-24. Lihat juga Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan orang Melayu Sarawak di bawah penjajahan British 1946-1963*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014, hlm. 182-183. Nadrawina Isnin, “Sepanjang jalan kenangan: Partisipasi politik wanita pra dan pasca kemerdekaan Sarawak”, Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Budaya Melayu Sarawak, Hotel Hilton, Kuching, Sarawak, 10-11 September 2013, hlm. 17. Nordi Achie, “Wanita dan politik kepartian..”, hlm.126-127.

¹¹² Anak kelahiran Sibu daripada pasangan Syed Razali Syed Zain dan Sharifah Hamdiah Syed Omar pada tahun 1910. Pada tahun 1961 beliau menyertai parti BARJASA dan menjadi pengasas sayap wanita BARJASA cawangan Sibu. Beliau telah menubuhkan koperasi wanita pertama di Sibu serta pernah dilantik sebagai Pemanca (1973-1984). Antara anugerah yang pernah beliau perolehi ialah Sijil Kehormatan Negara (SKN), Pingat Peringatan Malaysia (PPM), Pingat Peringatan Terpuji (Silver), Ahli Bintang Sarawak (ABS) dan Darjah Panglima Gemilang Bintang Kenyalang (PGBK) oleh Kerajaan Sarawak. Beliau menghembuskan nafas terakhir ketika berusia 90 tahun. Sumber: Sharifah Maimunah Tuanku Junaidi, “Kaum ibu & perjuangan”, dlm. *Salam Nusantara*, Ep. 11, TVS Entertainment. Pautan: <https://youtu.be/1ArtQvsza8Q> (diakses Ogos 2022) Hjh. Sharifah Maimunah merupakan anak kepada Ibu Anah. Lihat juga Nordi Achie, “Wanita dan politik kepartian..”, hlm. 124. Christina Thomas Mamora, “Daring to break new frontier”, *The Borneo Post*, 30 Januari 2022. Pautan: <https://www.theborneopost.com/2022/01/30/daring-to-break-new-frontier/> (diakses pada April 2022).

¹¹³ *Ibid.*

¹¹⁴ *Ibid.*

¹¹⁵ Wanita kelahiran Shanghai pada tahun 1922 ini telah menetap di Sarawak sehingga akhir hayatnya sejak tahun 1950 setelah berkahwin dengan Cina Foochow dari Sarawak pada tahun 1940. Beliau mendapat pendidikan di *McTyeire High School* dan Universiti Nanking, Shanghai serta pernah menuntut di *Iowa State University* di Amerika Syarikat sebelum Perang Dunia Kedua meletus. Pada tahun 1971, beliau menyertai SUPP dan mengasaskan seksyen wanita SUPP pada tahun 1978. Beliau lantang dalam memperjuangkan hak wanita Cina untuk mendapatkan harta warisan keluarga. Beliau turut menubuhkan *Sarawak Federation of Chinese Women Association*. Beliau meninggal dunia akibat kanser perut pada tahun 2005 di Sibu. Beliau telah mendapat anugerah Ahli Bintang Sarawak (ABS) oleh kerajaan negeri Sarawak pada tahun 1983. Sumber: Priscilla Tawie, “An exceptional gift to children, students”, *New Sarawak Tribune*, 9 September 2023. Pautan: <https://www.newsarawaktribune.com.my/an-exceptional-gift-to-children-students/> (diakses pada Ogos 2024) Lihat juga “The driving force behind women’s rights”, *New Sarawak Tribune*, 17 September 2023. Pautan: <https://www.newsarawaktribune.com.my/the-driving-force-behind-womens-rights-2/> (diakses pada Ogos 2024) “A lifelong legacy”, *New Sarawak Tribune*, 17 September 2023. Pautan: <https://www.newsarawaktribune.com.my/a-lifelong-legacy/> (diakses pada Ogos 2024).

¹¹⁶ *Ibid.*

¹¹⁷ *Ibid.*

¹¹⁸ *Ibid.*

¹¹⁹ Christina Thomas-Mamora, “Liberating women from traditional domain”, *Borneo Post Online*, 25 September 2022. Pautan: <https://www.theborneopost.com/2022/09/25/liberating-women-from-traditional-domain/> (diakses pada Ogos 2024).

Rujukan

- Brooke, C. 1907. *Queries: past, present and future*. London: The Planet.
- Brooke, M. 1913. *My life in Sarawak*. London: Methuen.
- Chew, D. 2004. *Chinese pioneers on the Sarawak frontier 1841-1941*. New York: Oxford University Press.
- Christina Thomas Mamora. 2021. "Pioneering the way to empower women," *Borneo Post Online*, September 26.
<https://www.theborneopost.com/2021/09/26/pioneering-the-way-to-empower-women/>
- Christina Thomas Mamora. 2021. "Championing a crusade steeped in sacrifice," *Borneo Post Online*, October 10.
<https://www.theborneopost.com/2021/10/10/championing-a-crusade-steeped-in-sacrifice/>
- Christina Thomas Mamora. 2021. "Beating social taboos to pursue change," *Borneo Post Online*, October 24.
<https://www.theborneopost.com/2021/10/24/beating-social-taboos-to-pursue-change/>
- Christina Thomas Mamora. 2022. "Daring to break new frontier," *The Borneo Post*, January 30.
<https://www.theborneopost.com/2022/01/30/daring-to-break-new-frontier/>
- Christina Thomas Mamora. 2022. "Liberating women from traditional domain," *Borneo Post Online*, September 25.
<https://www.theborneopost.com/2022/09/25/liberating-women-from-traditional-domain/>
- Flowrese William. Pengetua SMK St. Mary's. Temubual di pejabat beliau pada 7 Februari 2023. Pukul 1:44 petang.
- Gomes, E.H. 1911. *Seventeen years among the Sea Dyaks of Borneo*. London: Seeley & CO. Limited.
- Gomes, E.H. 1912. *Children of Borneo*. Edinburgh: Oliphant, Anderson & Ferrier.
- Hammond, R.W. 1937. *Report Education in Sarawak*. typescript. Kuching: Arkib Negeri Sarawak.
- Hashim Fauzy Yaacob. 2014. *Kedudukan orang Melayu Sarawak di bawah penjajahan British 1946-1963*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hew, C.S. & Rokiah Talib. 2011. *Tra Zehnder: Iban woman patriot of Sarawak*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Ho, Hui Ling. 2009. "Pembangunan sosial di negeri Sarawak pada zaman pentadbiran colonial British, 1946-1963". *Jurnal Sarjana* 24, no. 2: 82-104.
- Jehom, W.J. 2013. "Lily Eberwein: Her life and involvement in the anti-cession movement." In *Women in Southeast Asian Nationalist Movements*, edited by Susan Black burn dan Helen Ting, 175-197. Singapore: NUS Press.
- Jessica Jawing. 2011. "Tra Zehnder meninggal dunia". *Borneo Post Online*, 24 Julai. Diakses 15 April 2022.
<https://www.theborneopost.com/2011/07/24/tra-zehnder-meninggal-dunia/>
- Julina Ottot, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus & Mardiana Nordin. 2024. "Laporan Woodhead dalam Memperkasakan Pendidikan di Sarawak," *Jebat Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 51, no. 2: 179-198.
- Low, H. 1968. *Sarawak: Its inhabitants and productions*. London: Frank Cass and Company Limited.
- Margaret Bedus. 65 Tahun. AJK SIDS. Temubual secara atas talian pada 17 Februari 2023. Pukul 10:00 pagi.
- McDougall, H. 1882. *Sketches of our life in Sarawak*. London: Society for promoting Christian knowledge.

- Mohd Hasbie Sulaiman. 1989. *Perjuangan Anti-cession Sarawak: Peranan utama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak*. Kuching: Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak.
- Nadrawina Isnin, Zabidah Putit & Nor Fadhleen Mahmud. 2012. *Sarawak Women in Politics*. Kuching: Sarawak Women and Family Council.
- Nadrawina Isnin. 2013. "Sepanjang jalan kenangan: Partisipasi politik wanita pra dan pasca kemerdekaan Sarawak". Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Budaya Melayu Sarawak, Hotel Hilton, Kuching, Sarawak, 10-11 September 2013.
- Nadrawina Isnin. 2014. "Biography: Unsung heroes of Barbara Mendu Bay". Paper presented at 23rd International Conference of Historians of Asia (IAHA 2014), Alor Setar, Kedah, 23-27 Ogos 2014.
- Najihah Abdul Mutalib. 2009. "Pencapaian masyarakat Melayu Sarawak dalam bidang Pendidikan sebelum dan selepas Merdeka," *Jurnal Pengajian Melayu* 20, no. 1: 219-240.
- Ninie Amira Drahim & Farid Mat Zain. 2017. "Biografi Datu Patinggi Abang Haji Abdillah: Tokoh nasionalisme Negeri Sarawak". Kertas kerja dibentangkan dalam Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) VII: Ulama dan Pemikiran Wasatiyyah Nusantara, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 8-9 Ogos 2017, 215-221.
- Nordi Achie. 2000. "Wanita dan politik kepartian di Sarawak tahun 1959-1996," *Malaysia Dari Segi Sejarah* 28: 122-143. Diakses pada 28 Ogos 2024.
<http://myrepositori.pnm.gov.my/handle/123456789/1337>
- Nordi Achie. 2000. "Perjuangan wanita dalam gerakan anti-penyerahan 1946-1950," *The Sarawak Museum Journal* 55, no. 76: 151-180.
- Nordi Achie. 2001. "Kemunduran pendidikan masyarakat Melayu di Sarawak pada awal pemerintahan kolonial British 1946-1950: Satu tinjauan dari perspektif Utusan Sarawak, 1946-1950," *Jurnal Malaysia Dari Segi Sejarah* 29, no. 2: 8-30.
- Nordi Achie. 2013. *Kolonialisme dan Kristianisasi Melayu di Sarawak 1850-1950*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Noria Tugang. 2014. *Pua identiti dan budaya masyarakat Iban*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Ong, Puay Liu, Ong, Puay Hoon, Sivapalan Selvadurai, Marsitah Mohd Radzi & Badariah Saibeh. 2014. "The making of Malaysian solidarity: A historical look at education and social cohesion in Sarawak," *Geografia* 10, no. 1: 36-48.
- Ong-Liew, Linda. 1998. *History of St. Mary's School Kuching 1848-1998*. Kuching: St. Mary's School Board of Management.
- Ooi, Keat Gin. 1996. "Women Should be helpmates and not drags upon their husbands": Female education in Brooke Sarawak, 1841-1941. Paper presented at 6th International Interdisciplinary Congress on Women. Adelaide, Australia. 22-26 April 1996.
- Ooi, Keat Gin. 2001. *Dunia di seberang sungai: Pendidikan di Sarawak dari zaman pemerintahan Brooke hingga ke pentadbiran Pejabat Tanah*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- US Migrated Archives. (18th October 1963). POL 18 Sarawak 1962. 1963 & 1964-A Report of Political Parties in Sarawak on October, 18th 1963. Kuching: Sarawak State Record Repository.
- Porritt, V.L. 1997. *British colonial rule in Sarawak 1946-1963*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Priscilla Tawie. 2023. "An exceptional gift to children, students". *New Sarawak Tribune*, 9 September.
<https://www.newsarawaktribune.com.my/an-exceptional-gift-to-children-students/>
- Priscilla Tawie. 2023. "A lifelong legacy," *New Sarawak Tribune*, September 17.
<https://www.newsarawaktribune.com.my/a-lifelong-legacy/>

- Priscilla Tawie. 2023. "The driving force behind women's rights," *New Sarawak Tribune*, September 17.
<https://www.newsarawaktribune.com.my/the-driving-force-behind-womens-rights-2/>
- Rancangan TVS. "Curious Quest Episode 04," Broadcast on November 14, 2022.
- Reece, R. H. W. 1993. *The name of Brooke: The end of white rajah rule in Sarawak*. Kuching: Sarawak Literary Society.
- Runciman, S. 1960. *The White Rajahs: A History of Sarawak from 1841 to 1946*. Cambridge: The University Press.
- Sabihah Osman. 1971. "Pemerintahan Brooke dan Pelajaran bumiputera di Sarawak," *Jebat* 1: 65-74.
- Sabihah Osman. 1990. "The Malay-muslim response to cession of Sarawak to the British Crown 1946-1951," *Jebat Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 18: 145-174.
- Sabihah Osman. 1990. *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak: 1841-1941*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sarakup Indu Dayak Sarawak HQ. 2023. "SIDS HQ Exco visit to the family of the late Madam Barbara Bay Mendu," In Activities and Events, July 15. Accessed August 28, 2023.
<https://sidshq.org.my/new/index.php/activities-and-events/35-sids-hq-visit-to-the-family-of-the-late-madam-barbara-bay-mendu>
- Sarawak Gazette*. 1 September 1927.
- Sarawak Gazette*. 1 Jun 1928.
- Sarawak Gazette*. 2 Disember 1929.
- Sarawak Gazette*. 2 Mac 1931.
- Sarawak Gazette*. 1 October 1931.
- Sarawak Gazette*. 1 April 1936.
- Sarawak Gazette*. 1 April 1937.
- Sarawak Gazette*. 1 Ogos 1939
- Sarawak Gazette*. 31 Ogos 1954.
- Sarawak Gazette*. 31 Disember 1961.
- Sarawak Gazette*. 31 Mac 1962.
- Sarawak Gazette*. 30 September 1963.
- Sarawak Heritage Society. 2016. "The old Hokkien school building, Kuching, Sarawak, (1911)," January 18. Accessed May 15.
<https://sarawakheritagesocietydotcom.files.wordpress.com/2016/01/20160118-hokk-school-w.pdf>
- Sharifah S. Ahmad. 2022. "The Irrationality of Malay Proselytisation: The Failure of education as a tool for 'civilising' native," *Jurnal Kemanusiaan* 29, no. 10: 51-70.
- Siaran Langsung Facebook Jiwa Bakti. 2018. "Majlis Pelancaran Jentera Pilihan Raya Wanita BN Sarawak," 12 April, Diakses pada 22 Julai.
https://www.facebook.com/watch/live/?ref=watch_permalink&v=2134591016777613
- Suffian Mansor, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus & Julina Ottot. 2023. "Masalah dan Isu Pendidikan Pada Era Pemerintahan Raja Brooke di Sarawak," *Malaysia Dari Segi Sejarah* 52, no. 1: 146-161.
- Syed Idrus Syed Ahmad & R. Santhiram. 1990. *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Taylor, B. & Heyward, P. M. 1973. *The Kuching Anglican schools 1848-1973*. Lee Ming Press Co. Unknown. 1961. *Information on Sarawak*. Kuching: Borneo Literature Bureau.

- Wan Kamal Mujani & Noranizah Yusuf. 2010. "Islam dan missionari di Sarawak: Kesan terhadap pendidikan pada zaman Crown Colony, 1841-1941," *Sosiohumanika* 3, no. 2: 219-242. Diakses pada 20 Oktober.
<https://journals.mindamas.com/index.php/sosiohumanika/article/view/414>
- Youtube TV KLXpress Sarawak. 2018. "Cikgu Patung @ Datuk Ajibah Abol Punyai Semangat Kental Bantu Rakyat Dalam Ilmu," April 12. Diakses pada 22 Julai.
https://youtu.be/F0UtYO56F6E?si=631ripBC_LSPyIn0
- Youtube TVS Entertainment. 2023. "Kaum Ibu & Perjuangan," Dlm. *Salam Nusantara Episod 11*, 19 April. Diakses pada 11 Jun.
<https://youtu.be/1ArtQvsza8Q>
- Youtube TVS Entertainment. 2022. "Bujang Berani Musim 2 Episod 04," 12 Ogos. Diakses pada 24 Februari 2023.
<https://youtu.be/N0wq6JPU0RE?si=5OIRbY5d5axLwxqL>
- Zora Chan. 2011. "Tra Zehnder will be remembered for her achievements and contributions to nation building," *The Star*, July 24.
<https://www.thestar.com.my/news/community/2011/07/24/tra-zehnder-will-be-remembered-for-her-achievements-and-contributions-to-nation-building>